

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

28. Nelayan.

- (a) Statistik hasil tangkapan nelayan untuk tahun 2015-2019 yang didaftarkan di Pulau Pinang.
- (b) Langkah-langkah proaktif yang diambil oleh agensi berkaitan dalam meningkatkan hasil tangkapan.
- (c) Jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan di Pulau Pinang.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. (a) Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perikanan, statistik hasil tangkapan nelayan untuk tahun 2015 hingga 2019 yang didaftarkan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	PENDARATAN IKAN (TAN METRIK)	NILAI (RM)
2015	49,782.72	482,231,061.37
2016	57,012.84	605,409,259.27
2017	51,184.65	555,218,517.29
2018	54,854.15	515,077,780.13
2019*	52,445.32	533,946,310.91

*Nota: Data untuk tahun 2019 belum disahkan lagi.

(b) Bagi meningkatkan hasil tangkapan nelayan, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan pelbagai projek dan program untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan seperti berikut:

(i) Projek pembangunan dan melabuhkan tukun tiruan sejak tahun 2008 hingga 2018. Dalam tempoh tersebut sebanyak 173 buah tukun tiruan pelbagai jenis dan pelbagai saiz (berat tukun 0.3 hingga 32 tan metrik/unit tukun) telah dilabuhkan oleh Jabatan Perikanan di sekitar perairan Pulau Kendi.

Pihak Jabatan telah menerima maklum balas daripada kumpulan nelayan bahawa terdapat penambahan jumlah tangkapan ikan dan juga penambahan spesis ikan baharu yang bernilai tinggi di situ seperti ikan kerapu, tetanda, merah, jenahak dan tenggiri. Selain itu, pihak nelayan juga melaporkan kerap kali terserempak dengan penyu pelbagai spesis termasuklah penyu belimbing yang kelihatan berenang sekitar perairan Pulau Kendi.

(ii) Menjalankan program pemantauan dan pengawasan merangkumi penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan Negeri Pulau Pinang yang lebih ketat dan membuat tangkapan terhadap bot pukat tunda yang melakukan kesalahan. Hal ini kerana pencerobohan pukat tunda dari Zon B dan Zon C ke kawasan persisiran pantai atau Zon A menyebabkan penangkapan ikan yang berlebihan dan seterusnya memberikan kesan buruk kepada ekosistem serta mengurangkan hasil laut. Jabatan Perikanan telah membuat tangkapan terhadap bot pukat tunda yang melakukan kesalahan sebanyak 21 kes (tahun 2017), 17 kes (tahun 2018) dan 28 kes (tahun 2019);

(iii) Memastikan semua kapal pukat tunda di kawasan perairan Zon B dilengkapi dengan Sistem Pemantauan Automatik (AIS) untuk mempertingkatkan pengawalan dan pemantauan dengan memudahkan aktiviti pengesanan dilakukan mengesan di mana kapal-kapal berada. Perkara ini

juga boleh mengelakkan berlaku pencerobohan vesel Zon B dan C ke atas Zon A yang dapat menyebabkan kemusnahan habitat dan mengurangkan sumber perikanan;

- (iv) Menjalankan operasi-operasi bersepadu terutamanya dengan kerjasama erat daripada Pasukan Polis Marin Pulau Pinang untuk memastikan aktiviti bubu naga yang mengakibatkan benih ikan dan spesies ikan kecil masuk ke dalam bubu dapat dibanteras. Jabatan Perikanan memastikan penggunaan bubu adalah mematuhi syarat spesifikasi untuk peralatan bubu yang dilesenkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; dan
 - (v) Menggalakkan nelayan yang memiliki keupayaan modal untuk menggunakan bot-bot besar, pukut dan peralatan tangkapan moden. Bantuan diberikan daripada bimbingan untuk menyediakan kertas kerja untuk memohon geran-geran yang ditawarkan oleh Kerajaan.
- (c) Antara bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Jabatan Perikanan:
 - Program Pemberian Bantuan *Touch Point* (mesin dan peralatan penyelenggaraan enjin);
 - Program Bantuan Program Agropreneur Muda;
 - Program Bimbingan Dari Segi Penyediaan Kertas Kerja Untuk Permohonan Geran;
 - Penganjuran Kursus Dan Demo In-Situ Pembaikan Enjin Sangkut Dan Elektronik Pelayaran; dan

- Kursus Pemprosesan Produk Berasaskan Surimi Dan Otoshimi
- (ii) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Program Rezeki Tani sebanyak RM10,000.00 bagi seorang penerima;
 - Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM250 sebulan;
 - Insentif Hasil Tangkapan Ikan sebanyak 10 sen perkilogram bagi ikan yang diisytiharkan;
 - Bantuan Subsidi Minyak Petrol & Diesel dengan harga Petrol RM1.38 dan Diesel sebanyak RM1.65 per liter;
 - Program Pasar Nelayan yang memberi peluang bagi para nelayan menjual sendiri hasil laut;
 - Program Khas Perumahan Nelayan iaitu sebanyak RM13,000.00 untuk bantuan baik pulih rumah; dan
 - Program Dana Nelayan yang merupakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM25,000.00 untuk seorang penerima.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pemberian Baucar Bantuan Nelayan Pesisir Pantai untuk membantu golongan nelayan khususnya nelayan pesisir pantai di mana mereka layak membeli peralatan dan perkakasan yang dibenarkan bernilai RM400.00 setahun.